

CNS4303

U GB 15-11 00145 BH186

AAB

Mahathir - Pengganti

MAHATHIR YAKIN PENGGANTINYA AKAN TERUSKAN DASAR SEKARANG

J

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan keyakinan bahawa penggantinya akan meneruskan dasar-dasar yang ditetapkan kerajaan sekarang untuk membawa negara mencapai status negara maju pada tahun 2020.

Perdana Menteri berkata, berdasarkan kepada ucapan-ucapan penggantinya itu, beliau yakin beliau berkongsi ideanya dan idea menteri-menteri Kabinet yang lain serta hasrat rakyat untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

"Ucapan-ucapannya selaras dengan apa yang kami (kerajaan sekarang) percaya dan apa yang saya percaya," katanya pada satu dialog dengan para peserta persidangan antarabangsa mengenai peluang perdagangan dan pelaburan di Malaysia selama dua hari, di sini.

Dr Mahathir ditanya seorang peserta sama ada beliau berpuas hati bahawa penggantinya akan meneruskan dasar-dasarnya, terutama dalam menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. -- Lagi.

▼15/11/14-30MST

R GB 15-11 00173 BD942

bah

Mahathir-pengganti 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir, yang menjawab 13 soalan daripada para peserta semasa dialog selama satu jam itu, berkata pertukaran kepimpinan sejak dahulu di Malaysia tidak pernah menyebabkan perubahan dasar yang radikal.

Beliau berkata perubahan dalam pucuk pimpinan sejak almarhum Tunku Abdul Rahman (perdana menteri pertama) kepada alahyarham Tun Abdul Razak, diikuti oleh alahyarham Tun Hussein Onn dan beliau sendiri tidak menampakkan sebarang perubahan dalam dasar-dasar negara kecuali cara dan pendekatan mereka yang berbeza.

"Saya tidak perlu hibang langsung bahawa selepas saya berundur akan berlaku perubahan. Tetapi saya boleh memberikan jaminan bahawa anda boleh terus melabur di Malaysia selepas saya tiada kerana mereka (penggantinya) tidak akan mengubah pendirian," katanya.

Ini kerana pucuk pimpinan yang lampau telah berjaya memastikan pengganti mereka meneruskan dasar-dasar yang ditetapkan oleh mereka dan beliau yakin beliau juga berupaya berbuat demikian.

Perdana Menteri berkata melainkan sesuatu tragedi atau malapetaka berlaku kepada Malaysia di masa hadapan, kerajaan yang sama akan terus berkuasa "untuk satu tempoh yang lama." -- Lagi

▼15/11/15-18MST

CNS4358

U GB 15-11 00129 BD943

aab

Mahathir-pengganti 3 Kuala Lumpur

Beliau berkata kerajaan berupaya mempertahankan kedudukannya sekarang untuk sekian lama kerana kepekaan terhadap perasaan rakyat dan berhati-hati dengan pendekatan berhubung perkara-perkara yang membabitkan rakyat.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada pendiriannya terhadap negara-negara maju, terutamanya Amerika Syarikat, telah menjejaskan pelaburan di Malaysia.

Beliau berkata tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa kenyataannya mengenai sebahagian negara maju menyebabkan masyarakat perniagaan di negara-negara itu hilang minat kepada Malaysia.

"Walau bagaimanapun, saya marah terhadap kerajaan, bukan ahli perniagaan. Ahli perniagaan mempunyai sudut pandangan yang berbeza," katanya.

Beliau berkata kerajaan-kerajaan mungkin kecam Malaysia kerana dasar buruhnya, walhal masyarakat perniagaan berpendirian berbeza kerana mereka lebih berminat untuk melabur dalam sebuah negara seperti Malaysia yang tidak mempunyai masalah pekerja. -- Lagi

15/11/15-32MST

CNS4378

U GB 15-11 00163 BD944

aab

Mahathir-pengganti 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Seorang lagi peserta bertanya sama ada kerajaan Malaysia dan Filipina sanggup untuk tidak membangkitkan isu Sabah bagi memastikan Asean boleh bergerak ke hadapan secara positif.

Dr Mahathir berkata tanpa berbuat demikianpun, kedua-dua negara Asean itu dapat terus menjalin hubungan aktif.

"Kami sedar bahawa kerajaan di Filipina mahu menyelesaikan masalah itu tetapi struktur politik Filipina begitu rupa sehinggakan sukar bagi sebarang kerajaan untuk mengambil langkah untuk mengatasi masalah itu," katanya.

Oleh kerana itu, katanya, semasa lawatan Presiden Fidel Ramos ke Malaysia pada awal tahun ini, mereka bersetuju untuk melupakan mengenai masalah itu dan menumpukan perhatian kepada aspek-aspek yang lebih positif mengenai hubungan kedua-dua negara.

Malaysia menggalakkan ahli-ahli perniagaannya melabur di Filipina selepas beliau dan Ramos bersetuju kedua-dua negara perlu meningkatkan perdagangan, katanya.

"Saya tak kisah atau bimbang mengenai masalah itu. Saya tidak percaya Filipina akan berperang dengan kita untuk mendapatkan Sabah," katanya. --

Bername

AH AKD